

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik bilangan syarikat yang dilaporkan menyalahi undang-undang dalam penipuan "*Multi-level-marketing*" (MLM), jumlah wang yang ditipu oleh syarikat tersebut, jumlah kes yang Kementerian diselesaikan dan jumlah wang yang dapat diperolehi semula daripada syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, November 2016, sebanyak **37** syarikat jualan langsung telah **dibatalkan lesen** kerana terbabit dengan aktiviti yang menyalahi AJLSAP 1993. Sebanyak **241** kertas siasatan telah dibuka dan **189** kes telah disabitkan kesalahan dengan **nilai rampasan berjumlah RM3.8** juta atas kesalahan melanggar syarat lesen seperti menaikkan harga produk tanpa kelulusan atau perubahan pada pelan pemasaran. Di antara aktiviti yang menyalahi AJLSAP 1993 adalah menjalankan perniagaan yang berunsurkan skim piramid seperti mempromosikan sesuatu skim melalui perekrutan peserta (*head hunting*) atau *money game*. Di samping itu, sebanyak **130** syarikat tidak berdaftar secara sah telah diambil tindakan dengan **nilai rampasan berjumlah RM5.4** juta.

Berkenaan dengan jumlah wang atau kerugian akibat penipuan yang dijalankan oleh syarikat yang bercirikan skim piramid, pihak kementerian **tidak mempunyai maklumat** berkenaan kerana mangsa melaporkan aduan kepada pihak Polis Diraja Malaysia dan Bank Negara untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.